**PUSPANITA**
*PERSATUAN SURI DAN ANGGOTA WANITA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA*
*CAWANGAN SABAH*
Wisma PUSPANITA, Jalan Murai, Tanjung Aru,
Peti Surat No. 15311, 88863 KOTA KINABALU.
Tel.: 088-235266/235267 Faks: 088-241266

Rujukan: PCS/PS/100-0/001 Klt.19/( 68 )

Tarikh: 06 Februari 2015

Semua Ahli Jawatankuasa Induk PUSPANITA Cawangan Negeri
Semua Pengerusi PUSPANITA Cawangan Daerah dan Daerah Kecil
Semua Setiausaha PUSPANITA Cawangan Daerah dan Daerah Kecil

Yang Berbahagia Datuk/Datin/Puan

**PROMOSI KEAHLIAN PUSPANITA**

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Setiausaha Agung PUSPANITA Kebangsaan telah menyampaikan taklimat berkenaan promosi keahlian PUSPANITA semasa Mesyuarat Jawatankuasa Setiausaha Cawangan Kementerian dan Negeri Bil. 1 / 2015 pada 15 Januari 2015 di Bilik Mesyuarat PUSPANITA PURI, Putrajaya. Promosi keahlian PUSPANITA adalah seperti berikut ;-

a) Yuran Ahli Seumur Hidup (ASH) mulai 21 Oktober 2014 adalah percuma dan bayaran hanya dikenakan caj RM 2.00 sahaja bagi penyediaan kad keahlian;

b) Tawaran menjadi Ahli Seumur Hidup (ASH) terbuka kepada semua wanita anggota perkhidmatan awam dan isteri anggota perkhidmatan awam;

c) Semua ahli lama dipindahkan ke status Ahli Seumur Hidup secara percuma dan hanya caj RM 2.00 dikenakan bagi pendaftaran Kad PUSPANITA. Kad gantian bagi setiap kad yang hilang /rosak adalah sebanyak RM 10.00;

d) Setiap Ahli Seumur Hidup lama dan baru layak diberi Kad Skuad Pengguna secara percuma. Kad Skuad Pengguna membuka peluang mendapat diskaun antara 2% hingga 35% bagi barangan dan perkhidmatan dari 260 buah syarikat;

e) Ahli Seumur Hidup akan diberi diskaun atas sewaan dewan dan penginapan di Rumah PUSPANITA, Jalan Hose dan PUSPANITAPURI, Putrajaya tertakluk kepada kekosongan.

...2/-

Rujukan: PCS/PS/100-0/001 Klt.19/( 68 )

Tarikh: 06 Februari 2015

3. Dikemukakan bersama ini Borang Permohonan Ahli Seumur Hidup PUSPANITA. Borang permohonan ahli-ahli di Cawangan Negeri boleh dikemukakan kepada Puan Shariffah Aznoor Haji Jap, Setiausaha PUSPANITA Cawangan Sabah dan bagi Cawangan Daerah/Daerah Kecil borang permohonan dihantar kepada Setiausaha PUSPANITA Cawangan Daerah/Daerah Kecil.

4. Sukacita sekiranya Hebahan Promosi Keahlian PUSPANITA ini dipanjangkan kepada semua ahli PUSPANITA di bawah seliaan Yang Berbahagia Datuk/Datin/Puan dan kepada bakal ahli-ahli PUSPANITA. Kerjasama Yang Berbahagia Datuk/Datin/Puan atas perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH"**
**"WANITA SEPAKAT NEGARA MENINGKAT"**

Saya yang menurut perintah

**( SHARIFFAH AZNOOR HAJI JAP )**
Setiausaha
PUSPANITA Cawangan Sabah

s.k. Setiausaha Kerajaan Negeri
Merangkap Penasihat PUSPANITA Cawangan Sabah
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
Jabatan Ketua Menteri
Tingkat 6, Wisma Innoprise
**88817 KOTA KINABALU**

" Pengerusi
PUSPANITA Cawangan Sabah
Wisma PUSPANITA
Jalan Murai, Tanjung Aru
**88863 KOTA KINABALU**

Lampiran
SAJ/

## PERSATUAN SURI DAN ANGGOTA WANITA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA (PUSPANITA)

### BORANG PERMOHONAN AHLI SEUMUR HIDUP RM2.00

(Untuk diisi oleh pejabat PUSPANITA)

1.NAMA

2. No.KAD PENGENALAN BARU

3. ALAMAT RUMAH

4.POSKOD

5. NO. TEL RUMAH

6. PEKERJAAN

GRED/KUMP.:

7. ALAMAT TEMPAT PEKERJAAN

8. POSKOD

9. NO. TEL PEJABAT

No. FAX

10. TARAF PERKAHWINAN
(Tandakan petak berkaitan)

1 Berkahwin 2 Bujang

11. NAMA SUAMI

12. NO. TEL PEJABAT SUAMI

13. ALAMAT PEJABAT SUAMI

14. POSKOD

15. HOBI/ SUKAN DIMINATI

16. CAWANGAN (Tandakan (/) dipetak berkenaan)

1 Pusat 2 Negeri 3 Kementerian

H/P

BERSAMA-SAMA INI DISERTAKAN WANG POS /CEK BERJUMLAH RM ______ UNTUK BAYARAN BERIKUT:-
(Tandakan ( / ) dipetak berkenaan)

1 Yuran ASH

PERMOHONAN INI DILULUSKAN / TIDAK DILULUSKAN

(TANDATANGAN PEMOHON)
TARIKH: ________________

SETIAUSAHA AGUNG
Persatuan Suri dan Anggota Wanita
Perkhidmatan Awam Malaysia
(PUSPANITA)

SETIAUSAHA PUSPANITA
CAWANGAN/NEGERI/DAERAH